

## **GERAKAN ISLAH DI TUNISIA PADA ABAD KE-19** (*Islah Movement in Tunisia in 19th Century*)

Zaid Husaini Kamis\*, Mohd Roslan Mohd Nor \*\* & Aizan Ali @ Mat Zin \*\*\*

### **Abstrak**

Kajian ini bertujuan untuk meneliti berkenaan Gerakan Islah yang berlaku kepada Tunisia. Islah menurut Kamus Dewan Bahasa adalah mengembalikan suatu keadaan kepada keadaan yang betul, tepat dan sesuai serta penyelesaian perbalahan dengan jalan yang baik atau dengan jalan damai. Justeru, Gerakan Islah di Tunisia merujuk kepada pemberian dan pemurnian Tunisia dari kerosakan kepada keadaan yang lebih baik yang diberikan oleh tokoh seperti Khairuddin at-Tunisi, Tahir ibn ‘Ashur dan tokoh-tokoh lain. Gerakan Islah memberi kesan baik kepada masyarakat Tunisia namun tidak berkekalan kerana dijajah Perancis. Kajian perpustakaan ini memanfaatkan kaedah dokumentasi dalam pengumpulan data-data kualitatif. Data-data yang dikumpul dianalisis menggunakan kaedah komparatif, induktif dan deduktif. Dapatkan kajian menunjukkan usaha pemberian yang dilakukan sejumlah tokoh memberi kesan yang meluas dari sudut ekonomi, pendidikan, ketenteraan dan pentadbiran. Gerakan Islah di Tunisia turut memberi manfaat besar dalam bidang pemikiran dan kelimuan bukan sahaja terhad di Tunisia, bahkan kepada seluruh masyarakat Islam seluruh dunia.

**Kata Kunci:** Gerakan Islah, Tunisia, Pemurnian, Khairuddin at-Tunisi, Perancis

### **Abstract**

*The purpose of this research is to examine Islah Movement in Tunisia. Islah according to Kamus Dewan Bahasa is to return certain situation to a right condition, precise and suitable and to solve contention with good manner and peaceful path. Therefore, Islah Movement in Tunisia refer to purification of Tunisia from calamity and damage toward a better country that moved by Khairuddin at-Tunisi, Tahir Ibn ‘Ashur and others. Islah Movement give good affect towards Tunisia society until French protectorate happened in the year of 1881. This research make use of documentation method to collect qualitative data. Data analised using method of comparative, inductive and deductive. Research finding showed that the effort of Islah give benefit to Tunisia in the aspect of economy, education, military and administration. Islah movement also gives vast benefit in the aspect of thinking and knowledge in the muslim world.*

**Keywords:** *Islah Movement, Tunisia, purification, Khairudin at-Tunisi, France*

---

\* Zaid Husaini Kamis, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. Emel: [zhusaini786@gmail.com](mailto:zhusaini786@gmail.com)

\*\* Mohd Roslan Mohd Nor, Profesor di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. Emel: [m\\_roslan@um.edu.my](mailto:m_roslan@um.edu.my)

\*\*\* Aizan Ali @ Mat Zin, Profesor Madya di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. Emel: [aizan@um.edu.my](mailto:aizan@um.edu.my)

## Pendahuluan

Setelah berlaku zaman Renaissance, negara-negara Barat telah berjaya keluar daripada dijarah oleh jemudan golongan gereja yang mengongkong kehidupan<sup>1</sup> kepada kebebasan berfikir untuk mencapai kemajuan yang berasaskan kepada material dan meninggalkan unsur-unsur kerohanian dalam kehidupan beragama. Keadaan ini menatijahkan kemajuan Barat dari sudut teknologi yang menjadi asas kepada kekuatan mereka untuk menentang empayar Islam pada waktu tersebut. Dalam masa yang sama, umat Islam tenggelam dalam perbalahan sesama yang mengakibatkan negara-negara Barat mula menghakis empayar Turki Uthmaniah dan menjajah kawasan umat Islam. Antara negara yang tidak terkecuali dari penjajahan tersebut adalah Tunisia yang dijajah oleh Perancis pada tahun 1881.<sup>2</sup> Namun, kemaraan Perancis berjaya disekat untuk beberapa tempoh disebabkan berlakunya gerakan Islah yang dipelopori oleh Khairuddin at Tunisi. Gerakan Islah berjaya memberi perubahan besar kepada Tunisia dalam usaha pemodenan Tunisia yang didasari oleh asas agama yang kukuh. Khairuddin At-Tunisi berjaya melakukan perubahan yang agak besar kepada Tunisia dari aspek sosial, pendidikan dan khususnya aspek pentadbiran. Namun, terdapat juga tokoh lain yang memainkan peranan yang besar terhadap pembaikan yang berlaku dalam masyarakat seperti Syeikh Tahir ibn Ashur, Mahmud Qabadu, Ibn Diyaf yang merupakan tokoh-tokoh yang sezaman dengan Khairuddin At-Tunisi yang melayakkan peletakan diri mereka sebagai individu yang mengislahkan masyarakat Tunisia. Kehadiran tokoh-tokoh ini yang mempunyai kepakaran yang pelbagai menjadikan proses Islah di Tunisia lebih bererti. Namun, gerakan Islah ini tidak berlanjutan dalam tempoh yang lama dan impak terhadap masyarakat Tunisia hanya dirasai dalam tempoh yang pendek kerana pemecatan Khairuddin at-Tunisi sebagai Perdana Menteri yang menatijahkan Tunisia dijajah oleh Perancis pada tahun 1881.

## Biografi Ringkas Tokoh-tokoh Gerakan Islah (Khairuddin at-Tunisi, Ibn Ashur)

Dikenali oleh masyarakat dunia sebagai Ibnu ‘Ashur, nama lengkap beliau adalah Tahir bin Muhammad bin Muhammad Tahir bin Muhammad bin Muhammad al-Shazili bin Abdul Qadir bin Muhammad bin Muhammad bin ‘Ashur.<sup>3</sup> Ibunya bernama Fatimah bin Muhammad al-Aziz bin Muhammad al-Habib bin Muhammad al-Tayyib bin Muhammad bin Muhammad bin Muhammad Bin Utur. Ibnu ‘Ashur dilahirkan pada tahun 1296H/1879 dirumah datuk dari sebelah ibunya; Syeikh Muhammad al-‘Aziz Bu ‘Utur, di kota La Marsa iaitu sebuah daerah disebelah utara pinggiran kota Tunis (sekitar 20 km dari kota Tunis). Sekilas dari garis keturunan yang beliau miliki, ternyata keluarga ‘Ashur adalah keluarga pencinta Rasulullah kerana nama dari keturunan beliau hampir keseluruhannya menggunakan nama Muhammad. Keluarga ‘Ashur juga terkenal sebagai keluarga intelek kerana mereka hidup dipersekutaran yang penuh dengan suasana keilmuan. Pendidikan yang pertama kali Ibnu ‘Ashur dapatkan

<sup>1</sup> M Salleh. “sekularisme dan Pertumbuhannya”. Tesis Disertasi (1999). Diakses di [http://studentsrepo.um.edu.my/846/4/BAB\\_1.pdf](http://studentsrepo.um.edu.my/846/4/BAB_1.pdf). : 7

<sup>2</sup> Crisis Phas. “French Tunisia (1881-1956)”. Diakses di laman sesawang University of Central Arkansas pada Tarikh 14 September 2023 di [https://uca.edu/politicalscience/home/research-projects/dadm-project/middle-eastnorth-africapersian-gulf-region/french-tunisia-1881-1956/#:~:text=Crisis%20Phase%20\(May%201881,Bardo%20on%20May%201881](https://uca.edu/politicalscience/home/research-projects/dadm-project/middle-eastnorth-africapersian-gulf-region/french-tunisia-1881-1956/#:~:text=Crisis%20Phase%20(May%201881,Bardo%20on%20May%201881)

<sup>3</sup> Nur, Afrizal, Mukhlis Lubis, and Hamdi Ishak. "Sumbangan Tafsir al-Tahrir wa al-Tanwir Ibn ‘Ashur dan Relasinya dengan Tafsir al-Mishbah M. Quraysh Shihab." *Al-Turath Journal Of Al-Quran And Al-Sunnah* 2, no. 2 (2017):69

adalah dari ayahnya iaitu Muhammad (M. 1920), yang juga seorang ulama besar ketika itu. Ibnu ‘Ashur juga banyak belajar kepada Syeikh Muhammad al-‘Aziz Bu ‘Utur (M. 1907) iaitu datuk disebelah ibunya. Didikan yang diterima oleh Ibnu ‘Ashur dari kedua ulama ini memberi kesan besar pada dirinya dan membawa kecintaan pada pengajian agama. Pada usia enam tahun Ibnu ‘Ashur mulai mendalami ilmu al-Quran. Beliau belajar ilmu qiraah dibawah bimbingan Syeikh Muhammad al-Khiyari di Masjid Abu Hadid di samping rumah datuknya di Basya, Tunis. Pada tahun 1310 H/1893, ketika usianya empat belas tahun, Ibnu ‘Ashur mulai belajar kepada para ulama besar Masjid Jami’ Zaituna. Beliau sentiasa mendapat keputusan cemerlang dalam setiap mata pelajaran yang beliau ikuti seperti bahasa Arab, fiqh, usul fiqh, tafsir, hadis, dan lainnya. Perjalanan pengajiannya tidak lama, hanya dalam masa tiga tahun (1893-1896) beliau sudah dilantik guru besar di Masjid Agung Zaituna. Ibnu ‘Ashur menyelesaikan pengajian di Masjid Agung Zaituna pada tahun 1317 H/ 1899 (al-Ghali 1996).<sup>4</sup>

Ibn ‘Ashur mula berkhidmat di Zaituna pada tahun 1899 dan mengajar di sekolah Sadiqi yang diasaskan oleh Khairuddin at-Tunisi. Pada tahun 1905, beliau diangkat menjadi tenaga pengajar pada peringkat pertama. Ibnu Ashur turut aktif dalam persatuan yang bernama Ibn Khaldun yang melaksanakan ceramah dan pengajian berkisar ilmu dan pengetahuan semasa. Pengisian ceramah lebih berfokus kepada meninggikan akal manusia dan kepentingan ilmu terhadap umat Islam. Pada tahun 1910, Ibnu ‘Ashur diangkat menjadi anggota pentadbiran. Semasa menjawat jawatan di Zaituna, beliau membuat rombakan dari segi penggunaan buku dan masa mengajar. Antara buku yang dimasukkan dalam silibus sebagai contoh subjek balaghah menggunakan kitab ‘Asrar al-Balaghah dan dalail al-‘Ijaz oleh imam al-Jurjani, al-Muwatta Imam Malik, al-Muqad ibn Khaldun. Ibnu ‘Ashur juga telah menambahbaik sistem pendidikan dengan mengadakan tiga peringkat pengajian yang mempunyai waktu dan kelas yang ditetapkan. Seterusnya pada tahun 1913, beliau dilantik menjadi kadi selama 10 tahun dan diangkat sebagai mufti pada tahun 1923. Keilmuan yang mendalam dan pengetahuan yang luas terhadap aspek kemasyarakatan menjadikan beliau sorang mufti yang sangat baik. Antara jawatan lain yang pernah beliau pegang adalah Hakim, Anggota Majlis Tinggi Waqaf, penggubal undang-undang syariah dan anggota Panitia Reformasi Pendidikan.<sup>5</sup>

Khairuddin At-Tunisi merupakan sorang hamba dari Rusia yang dibeli oleh Ahmad Pasya dari seorang bangsawan Turki bernama Tahsin Bek. Kedua ibubapa beliau meninggal semasa peperangan Turki Uthmaniah dan Rusia. Beliau pada usia muda bekerja di kediaman Ahmad Pasya. Kelebihan beliau adalah minat yang mendalam dalam mendalami ilmu, membaca dan mengambil manfaat keberadaan perpustakaan Ahmad Bey untuk memperoleh buku yang berkualiti untuk dijadikan bahan bacaan. Dalam kalangan persekitarannya, beliau dikenali sebagai orang yang berpegang teguh dengan ajaran Islam, aktif dalam menyampaikan syiar dan menghormati ahli ilmu.<sup>6</sup> Khairuddin merupakan orang yang dekat dengan Ahmad

---

<sup>4</sup> Nur, Afrizal, Mukhlis Lubis, and Hamdi Ishak. "Sumbangan Tafsir al-Tahrir wa al-Tanwir Ibnu ‘Ashur dan Relasinya dengan Tafsir al-Mishbah M. Quraysh Shihab." *Al-Turath Journal Of Al-Quran And Al-Sunnah* 2, no. 2 (2017):69

<sup>5</sup> Zulkifli, "Syeikh Tahir Ibnu ‘Ashur Alim Rabbani", laman sesawang Zulkifli al-Bakri.com, Diakses pada 10 September 2023, <https://zulkiflialbakri.com/syeikh-tahir-ibn-asyur-alim-rabbani/>

<sup>6</sup> Juwairiyah Dahlan. "Sejarah Tokoh Pemikir". (Surabaya, Fakultas Adab Iain Sunan Ampel):8

Pasya dan sesekali diberi tugas berkenaan pentadbiran.<sup>7</sup> Beliau adalah pemuda cerdas dan hubungan dekatnya dengan Ahmad Pasya membolehkan beliau terlibat dalam pentadbiran negara. Beliau pernah ditugaskan untuk menguruskan isu besar seperti rasuah dan isu-isu peperangan. Keyakinan yang diberikan oleh Ahmad Pasya kepada beliau membuka peluang yang besar kepada beliau dalam mengembangkan pengetahuan terhadap selok belok pentadbiran dalam negara. Menurut pandangan Mustafa Khaznadar, Khairuddin merupakan seorang pemuda yang mempunyai masa depan yang gemilang sehingga dinikahkan puterinya dengan Khairuddin.

Khairuddin belajar di Universiti Az-Zaituna dan diajarkan berkenaan ilmu tafsir, hadits, fiqh, aqid, ilmu bahasa berupa nahwu dan sharaf, ma'ani, dan bayan. Selain itu Khairuddin juga belajar ilmu syariah dengan cara beinteraksi dengan para ulama di tunisia. di samping itu, khairuddin mempelajari tauhid, qiraah dan kitabah serta Al-Quran dan tajwid. Khairuddin juga mempelajari bahasa Arab, Perancis dan Turki. Pengajian beliau yang mencapah dalam pelbagai cabang keilmuan membuatkan beliau seorang yang mempunyai pandangan yang luas terhadap sesuatu perkara yang mana memberi manfaat besar kepada pemikiran kritis beliau pada masa hadapan. Selain dari ilmu pengetahuan dalam bidang sains, sains sosial, keagamaan, Khairuddin menyertai sekolah tentera yang bernama Bardo. Kemasukan beliau ke dalam sekolah tentera ini membentuk jati diri beliau sebagai seorang yang berdisiplin, cekal dan juga tangkas. Justeru, gabungan ilmu dan pengalaman yang beliau pelajari menjadikan beliau seorang tokoh pemimpin yang unggul pada masa hadapan.<sup>8</sup>

Khairuddin merupakan individu yang berdisiplin dan mempunyai keinginan yang sangat mendalam disamping mempunyai kelebihan dalam merungkai dan menyelesaikan sesuatu masalah. Pencapaian cemerlang yang berliau peroleh semasa berada dalam sekolah tentera menyebabkan beliau dihantar oleh Ahmad Pasya ke Paris untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Beliau tinggal di Perancis selama 4 tahun dan selama keberadaan di sana, Khairuddin banyak menelaah buku falsafah, perundangan, politik dan ilmu ketenteraan. Beliau juga banyak mengaji atmosphera politik di Perancis yang sarat dengan sejarah yang rencam berkenaan dengan politik menjadikan beliau lebih matang dan kritis dalam ilmu politik dan pentadbiran.

Karier Khairuddin at-Tunisi bermula sebagai Menteri Peperangan(1859-1863). Semasa memgang jawatan tersebut, beliau membuat penambahbaikan dengan memperbaiki pelabuhan Halaq al-Wadi, mewujudkan dok membaiki kapal dan meluaskan pelabuhan. Seterusnya, beliau menjawat jawatan Ketua Majlis Syura(1863-1865). Beliau mewujudkan parlimen dan institusi pentadbiran namun beliau menghadapi tantangan yang hebat kerana kewujudan Parlimen mengehadkan kuasa yang ada pada Bey dan akhirnya diberhentikan. Beliau berehat dari sebarang jawatan selama 4 tahun dan kemudian menjawat semula jawatan Menteri Kewangan(1869-1873) dan diangkat menjadi Perdana Menteri(1873-1877). Setelah beliau ditamatkan jawatan Perdana Menteri pada 1877, Khairuddin dipanggil oleh Sultan Abdul

<sup>7</sup> Hasbiyah, Hasbiyah. "Gerakan reformis di Tunisia: Studi Pemikiran Khaeruddin Pasya At-Tunisi." *Jurnal Tamaddun* 9, no. 2 (2021): 842

<sup>8</sup> Hasbiyah, Hasbiyah. "Gerakan reformis di Tunisia: Studi Pemikiran Khaeruddin Pasya At-Tunisi." *Jurnal Tamaddun* 9, no. 2 (2021): 844

Hamid II untuk memegang jawatan Perdana Menteri Turki Uthmaniah. Namun, disebabkan sistem khalifah membarah disamping wujud banyak tekanan dan tentangan dari banyak pihak menyebabkan usaha pembaikan Turki tidak berhasil.<sup>9</sup>

### **Pengislahan Yang Berlaku Di Tunisia**

Antara hasil islah yang berlaku di Tunisia pada waktu tersebut adalah reformasi Institusi Zaituna, penubuhan sekolah Politeknik Bardo bagi latihan kepimpinan dan ketenteraan dan beberapa perkara yang lain. Pengislahan yang berlaku di Tunisia adalah disebabkan oleh keadaan yang berlaku pada waktu tersebut iaitu kolonialisme oleh Barat terhadap negara Islam adalah sangat agresif dan hasilnya negara Algeria yang merupakan jiran kepada Tunisia telah dijajah pada tahun 1930.<sup>10</sup> Melihat kepada keadaan itu, pembaikan dilakukan oleh ilmuan dan juga pemerintahan Bey di Tunisia sebagai usaha mengekang penjajahan. Walaupun pada akhirnya Tunisia dijajah pada 1881, sekurangnya pemerintah dan ilmuan pada masa tersebut telah meninggalkan khazanah ilmu dan menjadi antara negara Islam yang terkedapan dari sudut asimilasi dan menyesuaikan ilmu keduniaan seperti pentadbiran, ekonomi, ketenteraan dengan pendekatan yang boleh diterima oleh agama.

Antara pengislahan yang berlaku adalah pada sudut ketenteraan yang dilakukan oleh Hammuda Pasya. Perubahan dan pembaikan ketenteraan dimulakan oleh Hammuda Pasya<sup>11</sup> yang merupakan pemerintah Tunisia pada tahun 1782 hingga 1814 dan diteruskan oleh pengantinya iaitu Ahmad Bey yang memerintah pada tahun 1837 hingga 1855. Kedua tokoh ini berjaya merintis pemodenan ketenteraan Tunisia dengan menubuhkan sekolah Politeknik Bardo iaitu sekolah yang akan memberi latihan kepada tentera dari sudut kepimpinan, birokrasi dan perkara-perkara yang diperlukan oleh seorang tentera seperti pelajaran yang dibina pada tahun 1840. Antara pelajaran yang ditekankan di sana adalah pengajian Bahasa Perancis, sejarah, geografi, bahasa Arab dan pengajian Islam. Ibnu Abi Diyaf (1804-1874) adalah antara individu yang bertanggungjawab diatas penubuhan sekolah Politeknik Bardo dan limitasi undang-undang terhadap kuasa pemerintah.<sup>12</sup> Bagi pengajian agama, Syeikh Mahmud Qabadu (1812-1871) bertanggungjawab sebagai tenaga pengajar yang merupakan seorang tokoh ilmuan Tunisia yang hebat dalam bidang agama pada waktu tersebut selain dari Syeikh Tahir ibn Ashur (1879-1973). Pengajian agama diajarkan adalah di Institusi Zaituna yang menjadi pusat kepada pengajian Islam yang mengambil mazhab maliki dan Hanafi.<sup>13</sup> Selain itu, Syeikh Mahmud

<sup>9</sup> Muhammad Muchasin. "Khairuddin Pasya al-Tūnisi". Diakses di laman Harakatuna.com pada 14 September 2023 di file:///C:/Users/May21/Downloads/khairuddin-pasya-al-tunisi-1.pdf

<sup>10</sup> Muhammad Khalil, Jenayah Perancis Terhadap Algeria, laman sesawang 1Media.com, diakses pada 12 September 2023, <https://www.1media.my/2021/02/jenayah-perancis-terhadap-algeria.html#:~:text=Algeria%20telah%20dijajah%20oleh%20Perancis,Algeria%20sebagai%20bangsa%20Arab%20Muslim>.

<sup>11</sup> El-Mesawi, Mohamed E. "Muslim reformist action in nineteenth-century Tunisia." *American Journal of Islamic Social Sciences* 25, no. 2 (2008): 49

<sup>12</sup> Abd al-Karim Murad. "The Arabo-Islamic Constitutional Thought At 1907". (New York, Taylor and Francis Group):162

<sup>13</sup> Rahmawati, Rahmawati. "Dunia Islam di Era Modern pada Masa Tunisia." *Jurnal Adabiyah* 12, no. 2 (2012): 15

Qabadu bukan sahaja mahir dalam bidang keagamaan bahkan juga turut mengajarkan matematik dan sains.<sup>14</sup> Selain dari politeknik Bardo, institusi Zaytuna juga turut dinaik taraf dengan menggajikan guru secara tetap dan diwujudkan sistem pemantauan bagi menjaga kualiti pengajian yang dilaksanakan pada tahun 1942.

Seterusnya, tokoh yang melakukan islah pada negara Tunisia adalah Khairuddin At-Tunisi (1820-1890). Khairuddin At-Tunisi menjawat pelbagai jawatan ketika menjadi sebahagian daripada pentadbiran Tunisia iaitu dengan memegang jawatan Menteri Pererangan (1859), Ketua Majlis Syura (1863), Menteri Kewangan dan menjawat jawatan tertinggi dalam pentadbiran pada hujung karier politiknya sebagai Perdana Menteri (1873-1877) sebelum dijatuuhkan oleh kuasa luar. Antara Islah yang dilakukan oleh Khairuddin At-Tunisi adalah dari sudut ekonomi. Sebahagian besar masyarakat Tunisia pada ketika itu merupakan petani yang mengusahakan tanaman untuk menyara hidup. Oleh demikian itu, beliau mengurangkan cukai dan nilai pajakan bagi meringankan beban petani juga sebagai satu galakan kepada petani untuk menambahkan hasil. Khairuddin at-Tunisi juga memperkenalkan teknologi tanaman kepada petani untuk meningkatkan hasil tanaman berbanding penggunaan cara tradisional yang lambat dan kurang efektif. Selain itu, sumbangan terbesar Khairuddin At-Tunisi adalah berkenaan pemikiran beliau terhadap politik. Prinsip yang beliau tekankan berkenaan politik adalah berdasarkan tiga perkara iaitu kebebasan yang meliputi keadilan, musyawarah, undang-undang dan semak serta imbang. Menurut Khairuddin, kebebasan adalah atas kepada kemajuan dan ketamadunan. Hal demikian ini dapat dilihat pada tamadun barat iaitu mereka mengalami kemajuan material setelah bebas daripada cengkaman pemerintahan diktator dan juga gereja. Kebebasan menyebabkan masyarakat akan bebas melakukan pekerjaan dan inovasi tanpa perlu dikongkong oleh mana-mana pihak. Namun, kekurangan utama Barat ialah mereka tidak mempunyai dasar dan tonggak agama yang menyuluhan kehidupan menyebabkan kemajuan materealistik yang dikecapi disulam dengan kejatuhan akhlak dan kebudayaan. Oleh demikian itu, usaha yang dilakukan oleh Khairuddin yang mengintegrasikan kemajuan Barat dari sudut material dengan nilai agama yang komprehensif menghasilkan satu gagasan pemikiran yang teguh.

Nilai musyawarah turut ditekankan oleh Khairuddin at-Tunisi dalam sistem pemerintahan dan politik. Khairuddin merujuk kepada ungkapan Ibnu al-'Arobi yang mengatakan "musyawarah adalah pokok dasar di dalam Islam dan sunnah Allah di alam semesta ini. Musyawarah adalah hak bagi seluruh manusia dari seorang Rasul sampai kepada makhluk yang paling rendah kedudukannya."<sup>15</sup> Sebenarnya, idea Khairuddin at-Tunisi bukannya suatu perkara yang baru kerana segala prinsip dalam politik dan pentadbiran yang dibuat oleh beliau adalah mengambil pakai nilai yang ada pada pemerintahan Rasulullah dan para sahabat. Nilai tersebut kemudiannya beliau olah dan menjadikan ia sebagai suatu prinsip dalam pentadbiran supaya matlamat utama iaitu pemerintahan yang memakmurkan rakyat dapat dilaksanakan. Prinsip tersebut juga dilihat sebagai suatu yang baru disebabkan pemerintahan pada waktu tersebut adalah pemerintahan pewaris yang berkuasa mutlak.

<sup>14</sup> El-Mesawi, M. E. "Muslim reformist action in nineteenth-century Tunisia." *American Journal of Islamic Social Sciences* 25, no. 2 (2008): 3

<sup>15</sup> Syukur, Iskandar. "Konsep Majlis Syura Menurut Pemikiran Khairuddin Al-tunisi." *Asas: Jurnal Hukum dan Ekonomi Islam* 9, no. 2 (2017): 100

Keadaan ini menghasilkan pemerintahan yang lemah dan banyak kekurangan disebabkan kurang musyawarah, semak imbang, kebebasan dan keadilan kepada rakyat. Pemerintahan mutlak juga sering membawa kepada kezaliman dan salahguna kuasa<sup>16</sup> kerana pemerintah memegang kuasa penuh dalam segenap aspek yang merangkumi politik, perundangan, kehakiman, ketenteraan dan sebagainya. Justeru, penekanan terhadap sistem musyawarah menyebabkan beliau lebih gemar dan cenderung kepada demokrasi yang diperkenalkan oleh barat yang mana beliau yakini ia merupakan sebuah sistem pemerintahan yang baik kerana setiap keputusan yang dibuat oleh kerajaan hadir dari perbincangan dalam parlimen atau kabinet yang dipilih oleh rakyat. Keadaan ini menyebabkan ruang untuk berlaku salah guna kuasa dan ketirisan adalah tipis disebabkan proses yang panjang dan keterlibatan ramai pihak dalam memutuskan satu-satu tindakan. Selain itu, sistem demokrasi memberi ruang yang besar kepada rakyat untuk mengkritik pemerintahan dan berpeluang untuk memilih pemerintah yang terbaik bagi mereka menyebabkan pihak yang dipilih oleh rakyat perlu melaksanakan tugas dengan bersungguh-sungguh supaya boleh dilantik semula pada masa hadapan.

Beliau telah melaksanakan pentadbiran yang sangat berkesan dan menjadi salah seorang ilmuan yang terawal dalam memberi justifikasi kebaikan berkenaan demokrasi yang diamalkan oleh Barat. Demokrasi yang disimpulkan oleh Khairuddin adalah sebuah sistem yang berhasil dari pengalaman buruk Barat terhadap sistem pemerintahan yang bersifat kuku besi dan menindas rakyat.<sup>17</sup> Pemerintahan kuku besi ini diamalkan di Barat pada zaman Gelap yang diperintah oleh sistem feudal. Demokrasi muncul setelah rakyat bersatu padu untuk menyingkirkan pemerintahan feudal dan sistem pemerintahan demokrasi mengambil alih pentadbiran negara yang mana pemerintahan adalah berasaskan kepada perwakilan yang dipilih oleh rakyat. Maka, Khairuddin melihat sistem demokrasi ini sebagai sebuah sistem yang boleh digunakan oleh umat Islam dalam beberapa prinsip dalam menghasilkan tatakelola pemerintahan yang baik. Pemikiran Khairuddin ini mendahului zaman kerana pada waktu itu, umat Islam masih kurang memikirkan berkenaan demokrasi kerana masih dipimpin dan dinaungi oleh Khilafah Uthmaniyyah dan juga setiap negara dipimpin oleh seorang raja sebagaimana pemerintahan Bey di Tunisia.<sup>18</sup>

Khairuddin menyimpulkan bahawa kuasa pemerintah dapat dikawal melalui dua pendekatan iaitu melalui hukum dan konsultasi. Konsultasi bermaksud wujudnya satu badan penasihat yang menasihati pemimpin seperti majlis syura dan perwakilan rakyat yang mempunyai kuasa secara kolektif. Kewujudan badan ini dapat membataskan kuasa pemimpin dari menjadi obsalut yang kebiasaannya membawa kepada korup, ketidakcekapan, kronisme dan keburukan yang lain. Kelompok yang perlu penguasa menerima konsultasi adalah dari ulama. Ulama perlu mempunyai kebebasan untuk mengkritik pemimpin dan memberi teguran supaya pemimpin tidak leka, cuai dan menyalahgunakan kuasa. Selain itu, ulama juga

---

<sup>16</sup> Syukur, Iskandar. "Konsep Majlis Syura Menurut Pemikiran Khairuddin Al-tunisi." *Asas: Jurnal Hukum dan Ekonomi Islam* 9, no. 2 (2017): 376884: 97

<sup>17</sup> Ratna Ning Ningsih, "Khairuddin at-Tunisi", Tesis Disertasi(2009) <https://lib.ui.ac.id/file?file=digital/127282-RB07R40k-Khairuddin%20At-Tunisi-Analisis.pdf> hlm 47

<sup>18</sup> Dwi Wahyu Anggorowati. "Kajian Tentang Runtuhnya Kekuasaan Ben Ali Di Tunisia Tahun 2011". Tesis Sarjana (Jogjakarta, Universiti Yogyakarta, 2014): 3

berperanan untuk membimbing pemimpin kearah kebenaran dan mencegah dari kemungkaran dengan ilmu yang mereka ada.<sup>19</sup>

Menurut Khairuddin, pemisahan yang berlaku kepada umara dan ulama menyebabkan umat Islam berada dalam kehancuran. Umara merupakan mereka yang ahli dalam pentadbiran namun tidak mempunyai kedalaman dalam ilmu agama. Maka tindakan yang dilakukan mempunyai kecenderungan untuk menyalahi hukum hakam agama kerana mereka tidak mengetahui secara jelas hukum yang terkait. Tambahan pula, keberadaan kuasa Barat yang maju menyebabkan banyak pemimpin Islam pada waktu itu mengikuti tauladan barat untuk mencapai kemajuan menyebabkan pemerintahan sekular yang memisahkan agama daripada segenap aspek kehidupan diterapkan dalam pemerintahan negara. Manakala ulama adalah mereka yang berkeahlilan dalam bidang ilmu namun tidak mempunyai pengetahuan mendalam tentang selok belok pentadbiran menyebabkan mereka sering memaksakan hukum kepada masyarakat dengan tergesa-gesa tanpa mengetahui implikasi tindakan tersebut kepada masyarakat. Justeru, maslahah kepada masyarakat secara holistik hanya berlaku sekiranya berlaku integrasi diantara umara dan ulama yang akan membimbing umat dan mentadbir negara dengan acuan yang menepati ajaran Islam dan bersesuaian dengan tatabudaya masyarakat.<sup>20</sup>

## Penutup

Sebagai kesimpulan, gerakan Islah yang berlaku di Tunisia merupakan suatu gerakan yang berusaha memperbaiki Tunisia menuju ke arah yang lebih baik dalam pelbagai aspek seperti pentadbiran, ekonomi, sosial dan agama. Malangnya, penjajahan Perancis ke atas Tunisia mematikan usaha pembaikan yang berlaku tambahan pula Perancis menghakis nilai keislaman yang ada di Tunisia melalui implementasi sekular yang merosakkan masyarakat dan akhirnya pemerintahan Habib Bourguiba dan Ben Ali mengubah orientasi masyarakat Tunisia secara total kepada masyarakat yang sekular dan jauh daripada syariat Islam.

---

<sup>19</sup> Ratna Ningsih, “Khairuddin at-Tunisi”, Tesis Disertasi (2009) <https://lib.ui.ac.id/file?file=digital/127282-RB07R40k-Khairuddin%20At-Tunisi-Analisis.pdf>. Hlm. 48

<sup>20</sup> *Ibid.*

## Rujukan

- Abd al-Karim Murad. "The Arabo-Islamic Constitutional Thought At 1907". (New York, Taylor and Francis Group)
- Ashur, Muhammad Al-Tahir Ibn. *Ibn Ashur: Treatise on Maqasid Al-Shariah*. Iiit, 2006.
- Basri, Muinudinillah. "Hukum demokrasi dalam Islam." *Suhuf* 27, no. 1 (2015): 1-21.
- Brown, L. Carl. *The Tunisia of Ahmad Bey, 1837-1855*. Princeton University Press, 2015.
- Crisis Phas. "French Tunisia (1881-1956)". Diakses di laman sesawang University of Central Arkansas pada Tarikh 14 September 2023 di [https://uca.edu/politicalscience/home/research-projects/dadm-project/middle-eastnorth-africapersian-gulf-region/french-tunisia-1881-1956/#:~:text=Crisis%20Phase%20\(May%2012%2C%201881,Bardo%20on%20May%2012%2C%201881](https://uca.edu/politicalscience/home/research-projects/dadm-project/middle-eastnorth-africapersian-gulf-region/french-tunisia-1881-1956/#:~:text=Crisis%20Phase%20(May%2012%2C%201881,Bardo%20on%20May%2012%2C%201881).
- Fata, Ahmad Khoirul, and Siti Mahmudah Noorhayati. "Sekularisme dan Tantangan Pemikiran Islam Kontemporer." *Madania: Jurnal Kajian Keislaman* 20, no. 2 (2016): 215-228.
- Hasbiyallah, Hasbiyallah. "Gerakan reformis di Tunisia: Studi Pemikiran Khaeruddin Pasya At-Tunisi." *Jurnal Tamaddun* 9, no. 2 (2021)
- Ibn Ashur, Muhammad al-Tahir. *Ibn Ashur Treatise on Maqasid al-Shari'ah*. The Other Press, 2006
- Iftitah, Naili Rohmah. "Islam dan Demokrasi." *Islamuna: Jurnal Studi Islam* 1, no. 1 (2014).
- Jawad, Nazek. "Democracy in modern Islamic thought." *British Journal of Middle Eastern Studies* 40, no. 3 (2013): 324-339.
- Juwairiyah Dahlan. "Sejarah Tokoh Pemikir". (Surabaya, Fakultas Adab Iain Sunan Ampel)
- Klausing, Kathrin, Muhammed Ḥusayn Ṭabāṭabā’ī, and Muhammed al-Ṭāhir ibn ‘Āshūr. "Two twentieth-century exegetes between traditional scholarship and modern thought: gender concepts in the tafsīrs of Muhammed Ḥusayn Ṭabāṭabā’ī and al-Ṭāhir ibn ‘Āshūr." *Tafsīr and Islamic intellectual history: exploring the boundaries of a genre*. Ed. Andreas Görke and Johanna Pink (2014).
- Muhammad Khalil, Jenayah Perancis Terhadap Algeria, laman sesawang 1Media.com, diakses pada 12 September 2023, <https://www.1media.my/2021/02/jenayah-perancis-terhadap->

algeria.html#: ~:text=Algeria%20telah%20dijajah%20oleh%20Perancis,Algeria%20sebagai%20bangsa%20Arab%20Muslim

Muhammad Muchasin. "Khairuddin Pasya al-Tūnisi". Diakses di laman Harakatuna.com pada 14 September 2023 di file:///C:/Users/May21/Downloads/khairuddin-pasya-al-tunisi-1.pdf

M Salleh. "sekularisme dan Pertumbuhannya". Tesis Disertasi (1999). Diakses di [http://studentsrepo.um.edu.my/846/4/BAB\\_1.pdf](http://studentsrepo.um.edu.my/846/4/BAB_1.pdf)

Nur, Afrizal, Mukhlis Lubis, and Hamdi Ishak. "Sumbangan Tafsir al-Tahrir wa al-Tanwir Ibn 'Ashur dan Relasinya dengan Tafsir al-Mishbah M. Quraysh Shihab." *Al-Turath Journal Of Al-Quran And Al-Sunnah* 2, no. 2 (2017):67-79

Rangkuti, Afifa. "Demokrasi dalam Pandangan Islam dan Barat." *Jurnal Ilmiah Penegakan Hukum* 5, no. 2 (2018): 40-59.

Ratna Ningsih, "Khairuddin at-Tunisi", Tesis Disertasi(2009) <https://lib.ui.ac.id/file?file=digital/127282-RB07R40k-Khairuddin%20At-Tunisi-Analisis.pdf>

Syukur, Iskandar. "Konsep Majlis Syura Menurut Pemikiran Khairuddin Al-tunisi." *Asas: Jurnal Hukum dan Ekonomi Islam* 9, no. 2 (2017)

Tamimi, Azzam S. "Democracy in Islamic Political Thought." *ENCOUNTERS-LEICESTER-* 3 (1997): 21-44.

Zulkifli, "Syeikh Tahir Ibn 'Ashur Alim Rabbani", laman sesawang Zulkifli al-Bakri.com, Diakses pada 10 September 2023, <https://zulkiflialbakri.com/syeikh-tahir-ibn-asyur-alim-rabbani/>